



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **88 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak **5,439 kes** (79.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 15 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **36 kes**, baharu yang telah dilaporkan, **di mana 28 kes adalah di kalangan bukan warganegara Malaysia.**

Oleh itu, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,855 kes** dan jumlah **kes aktif** dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah **1,304 kes.**

Sehingga kini, seramai **14 kes** positif COVID-19 **sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).** Daripada jumlah tersebut, lima (5) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa **tiada** kes kematian berkaitan COVID-19 setakat ini. Justeru, jumlah

kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **112** kes (1.63 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

SISTEM INFORMASI DAN PANGKALAN DATA MAKMAL BAGI UJIAN COVID-19 DIPERTINGKATKAN UNTUK PELAPORAN KES COVID-19 YANG TEPAT

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan usaha pemurnian data-data berkaitan COVID-19. Hasil kerjasama KKM dengan beberapa agensi lain seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) satu sistem pangkalan data telah dibangunkan. Sistem ini dikenali sebagai e-COVID di mana ianya dapat memastikan pengumpulan data daripada lapangan dapat dijalankan dengan lebih berkesan, cepat dan tepat.

Tambahan pula, penyeragaman sistem data makmal dari kesemua makmal COVID-19 (iaitu makmal-makmal KKM, universiti, MOSTi, hospital angkatan tentera dan juga makmal swasta) pula telah dipertingkatkan dengan menggunakan Sistem Informasi Makmal Kesihatan Awam (SIMKA). Sistem ini telah dibangunkan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan telah mula digunakan oleh kesemua makmal COVID-19 mulai pertengahan April 2020.

Ini adalah merupakan satu pencapaian yang baik berbanding dengan sebelum ini, di mana data dari lapangan dan makmal telah dilaporkan secara manual.

Pada 14 Mei 2020, KKM telah melaporkan sebanyak 297,342 individu telah menjalani ujian COVID-19, di mana 6,819 daripada jumlah tersebut disaring positif (iaitu kadar positif adalah sebanyak 2.29 peratus). Walaubagaimanapun dengan penggunaan sistem pengumpulan data yang lebih baik ini, KKM ingin memaklumkan bahawa sehingga 15 Mei 2020 jam 12 tengah hari, KKM telah menyaring sebanyak 424,306 individu, di mana seramai 6,855 orang positif COVID-19 dan 417,451 orang adalah negatif. Ini

menjadikan kadar positif adalah sebanyak 1.62 peratus. Manakala, bilangan individu yang disaring adalah sebanyak 13 orang bagi 1,000 orang populasi.

Ini menunjukkan Malaysia merupakan antara negara yang menjalankan ujian saringan COVID-19 yang paling banyak di kalangan negara ASEAN yang lain. Saringan COVID-19 ini dijalankan secara tertumpu (*targeted screening*) kepada kumpulan-kumpulan yang dikesan berisiko tinggi untuk dijangkiti COVID-19.

Pemurnian data ini tidak dapat dilaksanakan tanpa kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk tujuh (7) makmal swasta. KKM amat mengharapkan agar kerjasama daripada makmal-makmal ini dapat diteruskan dan semua data yang berkenaan dapat diberikan atas kepentingan negara dalam menghadapi wabak COVID-19.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM mohon kerjasama orang ramai dalam memerangi wabak COVID-19 di Malaysia dengan terus patuh kepada S.O.P iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Orang ramai juga diingatkan supaya turut patuh kepada 3C dan 3W seperti disarankan oleh KKM:

- Elakkan 3C: iaitu elakkan kawasan yang sesak (***Crowded place***), elakkan kawasan yang sempit (***Confined space***), dan elak bertutur dengan jarak yang dekat (***Close conversation***).
- Amalkan 3W: iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (***face mask***) di tempat awam atau jika

bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:

- Elak bersalaman / bersentuhan;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Lakukan aktiviti disinfeksi;
- Duduk di rumah dan hanya keluar sekiranya ada urusan penting sahaja;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

15 Mei 2020 @ 4.30 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 15 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	95
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	255
SELANGOR	14	1,627
NEGERI SEMBILAN	1	776
MELAKA	1 (1)	215
JOHOR	0	668
PAHANG	5	328
TERENGGANU	0	110
KELANTAN	0	155
SABAH	0	330
SARAWAK	0	544
W.P. KUALA LUMPUR	15	1,508
W.P. PUTRAJAYA	0	89
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	36 (1)	6,855

*() adalah merujuk kepada kes-kes import